



KENYATAAN MEDIA

YBHG. TAN SRI MAHMOOD ADAM

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI

mengenai

KDN KECUALIKAN KOMPAUN LEWAT DAFTAR KELAHIRAN

20 JANUARI 2012 (JUMAAT)

1. Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini (20 Januari 2012) memutuskan untuk mengecualikan bayaran kompaun RM50 yang sebelum ini dikenakan kepada pendaftaran kelahiran yang dikemukakan lewat melebihi tempoh 42 hari, berkuatkuasa serta merta.
2. Berdasarkan peraturan sedia ada, pendaftaran kelahiran perlu dibuat dalam tempoh satu hingga 14 hari dan bayaran proses adalah percuma, manakala pendaftaran yang dibuat melebihi tempoh tersebut tetapi kurang 42 hari akan dikenakan bayaran proses RM5. Bagaimanapun, untuk permohonan yang dikemukakan selepas 42 hari tempoh kelahiran, pemohon akan dikenakan RM10 untuk bayaran proses selain dikompaun RM50.
3. Berpandukan kepada peruntukan undang-undang Seksyen 38, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 229), pertimbangan terhadap pengecualian kompaun adalah di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan keputusan untuk mengecualikan kompaun dibuat berdasarkan latar belakang kes pemohon, antaranya miskin, berada di lokasi terpinggir atau apa juga sebab yang dikira munasabah.
4. Seksyen 38, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 229) ini menyebut: "Pendaftar Besar **BOLEH DENGAN BUDI BICARANYA** mengkompaun

mana-mana kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 35 dengan menerima daripada orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi RM50."

5. Pada masa sama, keputusan bagi pengecualian ini juga dibuat dengan merujuk kepada Seksyen 17, *Registration of Birth and Death Ordinance* 1951 (Sabah Cap 123) yang menyebut: "Any person whose duty it is under the preceding provisions of this ordinance to furnish any particulars of any birth or death, and who without reasonable cause omits to do so within the time required by this ordinance, shall be liable to a fine of RM50.
6. Justeru, keputusan bagi pengecualian kompaun ini dibuat dengan pertimbangan kepada dua peruntukan undang-undang tersebut dan terpakai untuk seluruh negara, berkuatkuasa serta merta.

#####

Disediakan : Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Dalam Negeri
Aras 9, Blok D1, Kompleks D
Putrajaya (03 – 8886 8000)